

APLIKASI TEORI TRAIT AND FACTOR DALAM KAUNSELING KERJAYA TERHADAP PENGHUNI PUSPEN: SATU KAJIAN KES PEMULIHAN DADAH

Norsilah Binti Abdul Jalil ¹, Tuan Norbalkish Binti Tuan Abdullah²

Fakulti Psikologi dan Kerja Sosial, Universiti Malaysia Sabah
2025

Abstrak

Kajian kes ini menumpukan kepada penggunaan aplikasi teori *Trait and Factor* dalam kaunseling kerjaya terhadap 01 penghuni Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) yang sedang menjalani pemulihan dadah. Objektif kajian adalah untuk membantu penghuni dalam tempoh pemulihan dadah yang terputus hubungan dengan dunia kerjaya serta mengenal pasti potensi diri, minat, dan kecenderungan kerjaya, dan membina semula pembangunan sendiri. Kaedah kajian melibatkan sesi kaunseling interaktif yang disokong oleh instrumen psikometrik, iaitu *Big Five Inventory-10 (BFI-10)* dan *Survey Minat Kerjaya*, bagi menilai dimensi personaliti (OCEAN) dan motivasi kerjaya. Hasil ujian dan sesi kaunseling mendapati bahawa penghuni dalam pemulihan dadah mengalami kekeliruan dalam mengenal pasti potensi dan minat kerjaya. Penggunaan instrumen membolehkan gambaran holistik diperolehi, sekaligus memudahkan perancangan intervensi yang lebih berkesan. Kesimpulannya, kaunseling kerjaya membantu meningkatkan keyakinan diri, membina kesedaran sendiri, dan mengukuhkan matlamat perubahan hidup bagi penghuni dalam pemulihan dadah untuk kembali menyertai dunia kerjaya dan kekal bermotivasi selepas pemulihan.

Kata kunci: *kaunseling kerjaya, Trait and Factor, penghuni PUSPEN, pemulihan dadah, kajian kes*